

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commym@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmy

SJKC CONNAUGHT 2, SELANGOR

PKBS BULAN MAC TAHUN 2017

PEMAHAMAN BAHASA MELAYU TAHUN 4

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 15

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. “_____ lah masuk ke dewan untuk menikmati jamuan,” kata Encik Ronan.

- A. Jangan
- B. Minta
- C. Harap
- D. Jemput


2. “Maafkan saya, bolehkah alihkan _____ kereta ?”
Tanya Halim kepada seorang wanita muda.

- A. Tuan
- B. Encik
- C. saudara
- D. saudari

3. Kai Chun dan Joshua menyanyi sambal _____ alat muzik.

- A. dimainkan
- B. memainkan
- C. permainan
- D. bermainkan

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah



4. Pada setiap minggu, Jonathan akan _____ cermin biliknya dengan menggunakan sehelai kain.

- A. Mengelap
- B. Memberus
- C. Menyapu
- D. Menyusun


5. Mereka dapat melihat pelbagai jenis binatang di _____.

- A. Klinik Ho
- B. Zoo Negara
- C. Balai Polis Maran
- D. Sungai Pahang

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commymy@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmymy

6. Guru besar menyampaikan hadiah _____ murid-murid yang cemerlang dalam pelajaran.
- A. di
B. oleh
C. kepada
D. daripada
7. Seng Hui menutup paip itu dengan _____ supaya air tidak menitis lagi.
- A. kuat
B. cepat
C. kerat
D. cermat
8. Pak Mat dan Pak Din membawa se _____ jala ketika pergi menangkap ikan di laut.
- A. urat
B. bidang
C. papan
D. rawan
10. Mereka _____ pelbagai jenis juadah yang enak di atas meja.
- A. hidang
B. hidangan
C. penghidangan
D. menghidangkan
11. Pak Ali _____ apabila melihat tanamannya dimusnahkan sekawan gajah.
- A. kecil hati
B. naik angina
C. murah hati
D. pilih kasih
12. Walaupun ibu sentiasa _____ namun beliau tidak pernah mengabaikan kami.
- A. angkuh seperti merak
B. sibuk seperti lebah
C. berani macam harimau
D. wangi macam kesturi


Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah



9. Setiap pagi, Su Ling berbasikal ke _____ untuk menimba ilmu.
- A. pejabat
B. sekolah
C. balai polis
D. balai bomba

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah

13. Ibu menyediakan _____ semasa sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina.



- A. kuih-muih
B. lauk-pauk
C. sayur-mayur
D. buah-buahan

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

14. Emak berpesan kepada adik supaya membelikannya sebuku roti.
- A. "Tolong belikan saya sebuku roti," pesan adik.
 - B. "Tolong belikan sebuku roti," pesan emak kepada adik.
 - C. "Tolong belikan sebuku roti untuk emak," pesan adik.
 - D. "Tolong belikan sebuku roti," pesan adik kepada emak.

15. Baju kemeja yang baru dijahit oleh ibu telah koyak.

- A. Ibu menjahit baju kemeja yang baru koyak.
- B. Baju kemeja ibu yang berjahit itu baru koyak.
- C. Ibu menjahit baju kemeja baru yang telah koyak.
- D. Baju kemeja itu telah koyak walaupun baru dijahit oleh ibu.

Soalan 16 hingga 20

Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jane : Hai, Siti! Kamu hendak ke mana?

Siti : Oh, Jane! Saya dan keluarga hendak ke majlis rumah terbuka raya yang diadakan oleh ibu saudara saya di Cheras.

Jane : Oh, begitu! Tentu banyak makanan dan hidangan yang akan disediakan. Apakah makanan kegemaran kamu ketika hari raya?

Siti : Saya suka makan lemang dan rending daging. Kebetulan mak cik saya pandai memasak rendang daging yang sedap. Jadi dapatlah saya makan nanti.

Jane : Adakah semua saudara kamu akan hadir ke majlis itu nanti?

Siti : Ya, beberapa orang saudara saya yang tinggal berdekatan akan turut hadir. Nenek dan datuk saya juga datang dari kampung bagi **meraikan** majlis ini.

Jane : Seronok mendengar cerita kamu. Tentu meriah majlis itu nanti. Amboi, cantiknya baju kamu! Apakah nama baju yang kamu pakai ini?

Siti : Terima Kasih, Jane. Ini baju kebaya. Baju ini merupakan pakaian tradisional bagi perempuan Melayu.

Jane : Apakah pula pakaian tradisional bagi lelaki pula?

Siti : Pakaian tradisional bagi lelaki pula ialah baju Melayu. Baju Melayu biasanya dipakai ketika menghadiri majlis perkahwinan ataupun pada hari raya. Eh, saya minta diri dulu! Ibu bapa saya sudah pun menunggu. Nanti lewat pula kami sampai di sana.

Jane : Baiklah, Siti. Kita jumpa lain kali.

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commymy@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmymy

16. Ke manakah Siti hendak pergi?

- A. Siti hendak menghadiri majlis perkahwinan sepupunya.
- B. Siti hendak pergi ke majlis hari jadi ibu saudaranya.
- C. Siti hendak balik ke kampung datuk dan neneknya.
- D. Siti hendak pergi ke majlis rumah terbuka raya.

17. Makanan kegemaran Siti semasa hari raya ialah

- A. lemang dan kari ayam.
- B. lemang dan kuah kacang.
- C. lemang dan rendang daging.
- D. lemang dan rendang ayam.

18. Apakah pakaian yang dipakai oleh Siti?

- A. baju kurung
- B. baju kebaya
- C. baju Melayu
- D. baju Kemeja

19. Pada waktu bilakan kaum lelaki Melayu akan memakai baju Melayu?

- A. Tahun Baharu Cina
- B. Hari Deepavali
- C. Hari Raya Aidilfitri
- D. Hari Krismas

20. Perkataan meraikan dalam petikan bermaksud

- A. merayakan
- B. menghadiri
- C. menyertai
- D. mengunjungi

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commym@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmy

Jawapan

- | | |
|-------|-------|
| 1. D | 11. B |
| 2. D | 12. B |
| 3. B | 13. A |
| 4. A | 14. B |
| 5. B | 15. D |
| 6. C | 16. D |
| 7. C | 17. C |
| 8. D | 18. B |
| 9. B | 19. C |
| 10. D | 20. A |